

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Panik dituduh terlibat penipuan, pesara kerugian lebih RM334,000
Date : 13 September 2025
Section : General
Page : 1



Panik dituduh terlibat penipuan, pesara kerugian lebih RM334,000

MIRI: Gara-gara panik selepas dituduh terlibat dalam kegiatan penipuan, seorang pesara wanita kerugian lebih RM334,000 apabila terperdaya dengan sindiket 'phone scam' yang menyamar sebagai pegawai agensi kerajaan, baru-baru ini.



MOHD FARHAN

Ketua Polis Daerah Miri ACP Mohd Farhan Lee Abdullah berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial (BSJK) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri menerima laporan berhubung kejadian itu kelmarin.

Menurut beliau, mangsa berusia 64 tahun yang merupakan seorang pesara swasta menerima panggilan daripada individu tidak dikenali yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai daripada Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC).

"Suspek mendakwa mangsa terlibat dengan sindiket penipuan dan panggilannya kemudian disambungkan kepada pihak Ibu Pejabat Polis Perlis.

"Mangsa dimaklumkan oleh 'pegawai polis' bahawa beliau perlu membuat pengesahan harta dengan cara memindahkan semua wang simpanannya ke akaun bank yang diarahkan suspek kononnya untuk tujuan siasatan dan jaminan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, mangsa yang panik telah bertindak memindahkan wang berjumlah RM334,964.90 melalui kaunter bank sebagaimana diarahkan suspek untuk tujuan siasatan terhadap pemilikan wang tersebut.

"Mangsa hanya menyedari dirinya ditipu selepas buat semakan dan pengesahan manakala wang yang lesap merupakan hasil simpanan serta pinjaman daripada saudara-mara," ujarnya.

◆ **Lihat Muka 2**

Panik dituduh terlibat penipuan, pesara kerugian lebih RM334,000

► Dari Muka 1

Kes disiasat lanjut di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara minimum satu tahun dan maksimum 10 tahun, sebatan serta denda jika sabit kesalahan.

Sehubungan itu, Farhan menasihati masyarakat agar tidak panik atau mendedahkan maklumat peribadi kepada pemanggil yang mendakwa daripada agensi rasmi tanpa membuat semakan melalui saluran yang sah.

“Saya ingin menasihati

orang awam, khususnya golongan warga emas dan pesara supaya sentiasa berwaspada dan tidak mudah terperdaya dengan taktik penipuan panggilan telefon sebegini.

“Jadikan kes-kes yang pernah dilaporkan sebelum ini sebagai pengajaran untuk mengelak diri menjadi mangsa seterusnya,” tegasnya.

Orang ramai yang menerima panggilan mencurigakan atau menjadi mangsa penipuan siber seperti phone scam, love scam, e-dagang atau pinjaman tidak wujud diminta segera menghubungi National Scam

Response Center (NSRC) di talian 997.

“Semakan nombor telefon atau akaun bank suspek juga boleh dibuat melalui portal Semak Mule di <http://se-makmule.rmp.gov.my> sebelum melakukan sebarang transaksi kewangan,” jelas beliau.

Polis turut menggesa orang ramai mengikuti maklumat terkini modus operandi penipuan di Facebook rasmi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) dan Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police.